

K'jaan tak dedah laporan audit tentang NFC
MalaysiaKini.com
6 September, 2012
Oleh Aidila Razak

Laporan audit berhubung kontroversi Projek Feedlot Nasional sudah tersedia tetapi masih tidak didedahkan, kata anggota parlimen Kuala Selangor Dzulkefly Ahmad.

Wakil rakyat PAS itu berkata laporan oleh The Pricewaterhouse Coopers sudah terbit dan mahukannya ia didedahkan kepada umum.

NONE"Kami tahu laporan itu ada di sana, jadi kenapa menangguhkan tindakan untuk mendedahkannya? Rakyat menuntut supaya dapatan daripada skandal RM250 juta Projek Feedlot Nasional itu dibentangkan di Parlimen.

Memetik "sumber" untuk menyokong dakwaan itu, Anggota Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua juga berharap mendapatkannya melalui Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), yang mana beliau salah seorang anggotanya.

"Tetapi PAC tidak mengadakan mesyuarat," katanya Pua.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malysiakini.com/news/208145>